

NO. SOALAN: 141

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI NOH B. OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 18 MEI 2016

RUJUKAN : 9166

SOALAN:

**Datuk Seri Noh b. Omar [Tanjong Karang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan status siasatan terhadap
Jawatankuasa Esekutif Pusat (CEC) DAP dan pengesah jawatan
Setiausaha Agung DAP.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan status siasatan terhadap pemilihan semula yang telah dijalankan oleh *Democratic Action Party* (DAP), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) masih meneruskan siasatan berkenaan perkara ini kerana JPPM perlu meneliti secara terperinci dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pihak DAP. Hal ini adalah disebabkan terdapat percanggahan daripada segi kandungan dan juga kesahihan dokumen tersebut.